

# JAWAPAN

## MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21 AKTIVITI 1: Meja Bulat (*Round Table*)

### Cadangan Jawapan:

Murid Pertama: Sarapan pagi amat penting bagi setiap orang. Dengan sarapan pagi, kita akan bertenaga untuk meneruskan aktiviti yang telah dirancang pada hujung minggu. Aktiviti ini turut memberikan kesan yang baik bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Murid Kedua: Aktiviti riadah pada hujung minggu dengan anggota keluarga juga amat baik diamalkan bagi mewujudkan aktiviti yang sihat. Di samping dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik, anggota keluarga dapat mengukuhkan hubungan sesama mereka.

Murid Ketiga: Berkumpul bersama-sama untuk merehatkan


diri sambil menonton televisyen dan membaca akhbar merupakan aktiviti yang baik untuk sesebuah keluarga. Melalui aktiviti tersebut, ibu bapa juga boleh berbincang atau bertanya tentang perkembangan pelajaran anak-anak.

Murid Keempat: Membersihkan rumah bersama dengan anggota keluarga seperti menyapu sampah dan menyiram pokok bunga merupakan aktiviti yang baik. Anggota keluarga dapat bermuafakat dalam penjagaan kebersihan dan sedar akan kepentingan menjaga kebersihan.

Murid Kelima: Melalui aktiviti tersebut, ibu bapa dapat mendidik anak-anak tentang nilai bekerjasama sesama anggota keluarga. Hubungan mereka menjadi lebih akrab kerana dapat menyelesaikan sesuatu tugasan secara bergotong-royong.

## AKTIVITI 2: Jalan Galeri (*Gallery Walk*)

### Cadangan Jawapan:



## AKTIVITI 3: Deklamasi Sajak

### Cadangan Jawapan:

#### Gaya Hidup Sihat

Kesihatan perlu dijaga  
Pengambilan makanan haruslah seimbang  
Buah-buahan dan sayur-sayuran jangan dilupakan  
Jauhi makanan berlemak dan bergula  
Hidup ceria sepanjang masa.

Usahlah leka tingkatkan kecergasan  
Jadikan senaman amalan harian  
Mudarats dielak penyakit dihindari  
Agar sihat sentiasa ceria.

Kebersihan diutamakan  
Penyakit bahaya dapat dicegah  
Segar dan nyaman menggamit kehidupan  
Persekitaran bersih semua gembira.

#### AKTIVITI 4: Main Peranan (Role Play)

##### Cadangan Jawapan:

Murid Pertama: Kita perlulah menabung demi masa hadapan.

Tabiat menabung harus dipupuk sejak kecil lagi. Amalan menabung merupakan satu tabiat mulia yang harus diamalkan oleh setiap orang.

Murid Kedua: Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Jika kita tidak menabung, kita akan tergolong dalam orang yang rugi. Hal ini dikatakan demikian kerana wang yang kita simpan sedikit-sedikit boleh membantu kita melanjutkan pelajaran kelak.

Murid Pertama: Ibu bapa perlu mendidik anak berjimat cermat ketika berbelanja. Wang lebihan belanja sekolah boleh dimasukkan ke dalam tabung dan kemudian dihantar ke bank agar selamat. Di samping itu, kita juga dapat menikmati pelbagai faedah yang dijanjikan oleh pihak bank.

Murid Kedua: Pada masa yang sama, wang simpanan juga boleh kita gunakan ketika kecemasan. Secara tidak langsung, kita dapat meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa kita.

#### AKTIVITI 5: Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)


##### Cadangan Jawapan:

Idea Murid Pertama: Menjelang Hari Sukan sekolah, murid-murid dan guru-guru akan membuat beberapa persediaan untuk memastikan Hari Sukan berjalan dengan lancarnya. Antaranya termasuklah bergotong-royong membersihkan kawasan padang dengan mengutip sampah sarap. Persiapan lain pula menyiapkan trek balapan dan menghias kawasan padang dengan bendera rumah serta bendera sekolah.

Idea Murid Kedua: Mereka juga bekerjasama menyusun kerusi di kawasan padang dan di bawah khemah tetamu. Guru perempuan dan murid-murid pula menyusun pingat dan piala untuk para pemenang. Sementara itu, ahli rumah sukan sibuk menghias rumah masing-masing agar kelihatan ceria dan meriah.

#### AKTIVITI 8: Peta i-THINK

##### Cadangan Jawapan:



#### AKTIVITI 6: Pembentangan Hasil Sendiri

##### Cadangan Jawapan:

Tarian tradisional merupakan warisan budaya yang menghiasi keunikan kaum-kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, India, serta bumiputera Sabah dan Sarawak. Tarian-tarian yang dipersembahkan oleh kaum-kaum tersebut benar-benar menawan apabila ditambah dengan gerak anggota badan yang dilakukan secara lemah lembut sambil diiringi alat-alat muzik tradisional.

Namun begitu, pada saat kita berbangga mempunyai warisan seni tarian yang unik, seni warisan budaya ini semakin luput ditelan kerancakan arus pembangunan moden. Perubahan ini amat membimbangkan kerana tarian tradisional ini dilihat tidak lagi popular dan kian terhakis akibat kurangnya sambutan dalam kalangan masyarakat. Situasi ini menyebabkan sesetengah tarian tradisi ini kemungkinan akan terkubur jika tiada usaha untuk memeliharanya.

#### AKTIVITI 7: Kerusi Panas (Hot Seat)

##### Cadangan Jawapan:

Murid Pertama: Di manakah habitat asal burung puyuh?

Pakar: Habitat asal burung puyuh ialah di kawasan hutan, di ladang pertanian, di sawah kering, atau di semak belukar.

Murid Kedua: Bagaimanakah sifat burung puyuh?

Pakar: Burung puyuh bersifat pemalu, liar, bergerak pantas, dan mudah terkejut.

Murid Ketiga: Apakah antara faktor yang menyebabkan pengusaha mula berminat untuk memelihara burung puyuh?

Pakar: Antara faktor yang menyebabkan pengusaha mula berminat untuk memelihara burung puyuh termasuklah burung puyuh mudah diternak dan menguntungkan.

Murid Keempat: Mengapakah burung puyuh mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan?

Pakar: Burung puyuh mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan kerana daging dan telurnya banyak mengandungi zat.

## TEMA 1: KELUARGA BERWAWASAN

### UNIT 1: Impian Keluarga

#### A. Mendengar dan Bertutur

–

#### B. Menulis

Hasrat keluarga

Ingin melihat anak-anak berjaya

Agar cita-cita tercapai

Masa hadapan menjadi cerah.

Hasrat ibu dan ayah

Didikan agama diutamakan

Nilai mulia jadikan pegangan

Kelak dihormati seluruh masyarakat

Menjadi contoh dalam kehidupan.

Ibu dan ayah sentiasa ditaati

Berganding bahu bersatu tenaga

Segala yang berat dapat diatasi

Bersatu teguh, bercerai kita roboh.

Adat dunia

Penat berusaha kejayaan menanti

Ingatlah diri kenangkan keluarga

Jauhi tabiat seperti kacang lupakan kulit.

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Impian keluarga yang belum terlaksana:
  - membawa anak-anak melancong ke luar negara
  - menyediakan bilik tidur bagi setiap anggota keluarga
  - menghantar anak-anak belajar di pusat pengajian tinggi swasta yang terkemuka
  - membina taman mini yang mesra alam
- Cara untuk mencapai impian setiap keluarga:
  - belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga memperoleh keputusan yang cemerlang
  - bekerja dengan dedikasi, amanah, dan bertanggungjawab
  - menyimpan atau menabung wang sejak kecil lagi

#### C. Tatabahasa

1. Encik Salim berhasrat untuk membina sebuah pondok bacaan.
2. Adik leka memerhatikan seekor kerbau yang dibela oleh datuk.
3. Pak Usu Manan mempunyai tiga bidang tanah sawah.
4. Dua orang anak Puan Tan bekerja sebagai doktor.
5. Pekerja itu sedang mengumpulkan beberapa keping zink.

### UNIT 2: Keluarga Kreatif

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. Tolong ceritakan
2. Harap ibu
3. Minta tunjuk ajar
4. Jangan sia-siakan
5. sila fokus

#### B. Membaca

–

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Cara-cara untuk menggalakkan murid menyertai acara-acara yang dirancang sepanjang Minggu Bahasa Melayu:
  - menganjurkan peraduan atau pertandingan yang ceria dan menarik hati murid-murid
  - menyediakan pelbagai hadiah kepada para pemenang

- Objektif-objektif lain penganjuran Minggu Bahasa Melayu di sekolah:
  - menguji pengetahuan murid dalam tatabahasa Bahasa Melayu
  - membantu murid menambahkan ilmu pengetahuan
  - mewujudkan semangat bersaing bagi mencapai kegemilangan
  - memberi peluang kepada murid untuk menonjolkan bakat dan kebolehan mereka

#### C. Menulis

##### Keistimewaan:

*Ketupat palas sejuk beku ini mampu bertahan selama 30 jam walaupun tidak disimpan di dalam peti sejuk. Ketupat palas ini juga tidak mempunyai bahan pengawet. Oleh itu, ketupat ini sesuai dihidangkan semasa Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, ataupun semasa kenduri kahwin.*

### UNIT 3: Motivasi Keluarga

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. dua
2. lewat
3. rindu
4. merajuk
5. laksa

#### B. Menulis

##### Pendahuluan

hari minggu yang lalu – pulang ke kampung – ke rumah Tuk Wan – mengadakan ‘Hari Keluarga Wan Deraman’ – mengeratkan silaturahim keluarga besar Tuk Wan

##### Isi Penting

- (a) berbincang tentang aktiviti yang akan diadakan – bergotong-royong membersihkan kawasan rumah – mencuci pinggan mangkuk – memasak lauk-pauk
- (b) acara sukaneka – meniup belon, berlari dalam guni, tarik tali, menganyam ketupat, dan mencari gula-gula dalam tepung – memberi sokongan kepada peserta yang mengambil bahagian
- (c) menikmati juadah – kemuncak sambutan Hari Keluarga – acara cabutan nombor bertuah – ditunggu-tunggu oleh semua orang

##### Penutup

bergambar beramai-ramai – dijadikan kenang-kenangan – berasa sangat gembira – berpeluang menyertai aktiviti ‘Hari Keluarga Wan Deraman’

### PRAKTIS PRA-UPSR I

#### A. Sistem Bahasa

##### Praktis 1

1. A
2. B
3. D
4. D

##### Praktis 2

1. Cikgu Badariah
2. Dato’ Seri Rizal
3. Mak Lang Siti
4. Tuan Haji Zarif Syukri

#### B. Pemahaman

1. C
2. B
3. B
4. A
5. D

#### C. Penulisan

1. Ayah dan ibu Adriana hadir ke majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum untuk menyaksikannya menerima anugerah.

2. Para hadirin memberikan tepukan gemuruh apabila Adriana diumumkan sebagai Olahragawati Harapan 2019.
3. Kelihatan ibu bapa merakamkan gambar Hari Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum sebagai kenangan.
4. Murid-murid yang bakal menerima anugerah beratur di tepi dewan sambil menunggu nama mereka diumumkan.
5. Seorang penerima anugerah menuruni tangga pentas dengan berhati-hati.

## TEMA 2: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

### UNIT 4: Bersih dan Sihat

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. cara yang betul
2. gigi dua kali sehari
3. mencuci rambut
4. baju terlalu lama
5. pendek

#### B. Menulis

##### Pendahuluan

- tugas yang berbeza-beza – memegang barang, memasak, menggenggam, menulis, dan melukis

##### Isi 1

- perlu dicuci dengan sabun – sebelum dan selepas makan – kuku aku mestilah sentiasa pendek

##### Isi 2

- wajib memakai sarung tangan – jika merawat orang sakit – lebih selamat

##### Isi 3

- mudah dijangkiti kuman atau bakteria – terdedah pada kotoran – sering berjajab dengan tangan lain

##### Penutup

- jika semua orang pandai menjagaku – hidup sentiasa sihat dan ceria

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Keburukan mengabaikan kebersihan tangan:
  - terdedah pada bakteria atau kuman
  - mudah mengalami cirit-birit dan keracunan makanan
  - dihindangi penyakit tangan, kaki, dan mulut
- Cara mendidik anak-anak supaya mencuci tangan:
  - mengajar anak mencuci tangan sebelum dan selepas makan, selepas bersenam, dan selepas memegang benda-benda kotor
  - menggalakkan anak-anak mencuci tangan dengan betul sebagai satu budaya atau amalan harian pada setiap masa
  - membawa mereka mengunjungi pameran Hari Mencuci Tangan Sedunia

#### C. Tatabahasa

1. Kesihatan dapat dikekalkan jika kita melebihi sayur-sayuran dalam menu harian.
2. Pembikinan serangga pembawa penyakit dapat dielakkan jika kita menjaga kebersihan rumah.
3. Pelbagai jenis penyakit dapat dihindari jika kita rajin menjalani pemeriksaan kesihatan.
4. Kecergasan diri dapat ditingkatkan jika kita melakukan senaman secara tetap.

### UNIT 5: Aktif dan Cergas

#### A. Membaca

1. sihat

2. cergas
3. melepasi
4. aktif
5. jasmani
6. menguatkan

#### B. Menulis

1. murid-murid
2. guru-guru
3. bermacam-macam
4. gotong-royong
5. pokok-pokok
6. kemudahan-kemudahan
7. berwarna-warni
8. rumah-rumah
9. berkibar-kibaran
10. bantu-membantu

#### C. Tatabahasa

1. bangga
2. nyaman
3. lapang
4. telah
5. sudah
6. dapat

### UNIT 6: Sihat Emosi

#### A. Mendengar dan Bertutur

- |         |           |
|---------|-----------|
| 1. ini  | 6. itu    |
| 2. kita | 7. Beliau |
| 3. kamu | 8. sana   |
| 4. saya | 9. saya   |
| 5. Kita | 10. sini  |

#### B. Membaca

Syair di atas bertajuk 'Syair Bersatu Hati'. Penyair berharap agar kita sentiasa hidup aman, tidak bertelagah, dan sepakat dalam apa-apa perkara. Selain itu, kita mestilah bersabar dalam kehidupan seharian. Kita juga haruslah menjaga perasaan rakan supaya disenangi ramai. Jika kita melakukan kesilapan, kita perlu memohon maaf agar tidak berlaku persengketaan. Selain itu, kita hendaklah bersatu hati ketika bersahabat. Ukhuwah yang terjalin dapat menghindarkan ketidakpuasan hati dan perselisihan faham sesama kita.

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Kepentingan bersatu hati kepada rakyat Malaysia:
  - mewujudkan perpaduan kaum
  - dapat menggembleng tenaga supaya ekonomi negara berkembang dengan pesatnya
  - kehidupan rakyat akan aman dan sejahtera
- Sebab setiap anggota keluarga perlu bersatu hati apabila berlaku sesuatu perkara di luar dugaan:
  - menyelesaikan masalah dengan lebih cepat
  - sentiasa bersama ketika susah dan senang

#### C. Menulis

1. Dalam hal ini, peranan sahabat-handai dan saudara-mara amat penting untuk menenangkan emosi kita.
2. Senyuman dikatakan mampu menurunkan tekanan darah seseorang dan menghilangkan perasaan gundah-gulana.
3. Senyuman yang berseri-seri jelas menggambarkan bahawa seseorang itu berada dalam keadaan gembira.

4. Ketika bertemu dengan rakan-rakan atau sahabat-handai, bersalam-salaman turut dapat dijadikan terapi untuk mewujudkan suasana yang ceria.

## PRAKTIS PRA-UPSR 2

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

1. C      2. A      3. C      4. D      5. B  
6. C

#### Praktis 2

- (i) (X)  
(ii) (✓)  
(iii) (✓)  
(iv) (X)  
(v) (✓)  
(vi) (X)

#### Praktis 3

1. B      2. B      3. A      4. A

### B. Pemahaman

- (a) (i) celup sotong ke dalam telur yang sudah dipukul  
(ii) golekkan sotong ke dalam adunan tepung  
(b) Sotong perlu dicuci sebelum dipotong untuk menghilangkan segala kotoran dan bau hanyir.  
(c) Pada pendapat saya, sotong goreng tepung sesuai dijadikan lauk untuk dimakan bersama-sama dengan nasi. Selain itu, sotong goreng tepung juga sesuai dimakan bersama-sama dengan ayam goreng dan bihin goreng.

### C. Penulisan

Sebagai pengguna, kita disarankan membuat pilihan yang bijak sebelum membeli barangan. Hak memilih amat penting supaya kita tidak (1) terburu-buru dalam membuat keputusan ketika membeli-belah.

Sebelum membeli, pastikan kita membaca tarikh luput barang tersebut. Selain itu, kita perlulah memilih barangan yang berada dalam keadaan (2) baik. Jika barangan itu berbungkus, pastikan bungkusan itu tidak (3) terbuka. Seterusnya, kita harus membaca kandungan (4) khasiat makanan agar kesihatan kita terjamin. Kita juga patut membeli bahan mentah yang masih berada dalam keadaan (5) segar-bugar.

Kesimpulannya, pembeli perlu menjadi pengguna yang bijak agar tidak mudah (6) ditipu oleh penjual.

## TEMA 3: KESELAMATAN

### UNIT 7: Keselamatan Semasa Bersukan

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. kasut yang sesuai
2. diawasi oleh guru
3. jauh daripada tempat laluan
4. menolak peluru keluar

#### B. Membaca

Kita perlu menjaga keselamatan diri ketika bersukan untuk mengelakkan sebarang kecederaan. Selain itu, kita dapat bersukan dengan gembiranya, selesanya, dan selamatnya jika kita sentiasa mengutamakan keselamatan semasa bersukan.

#### Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

##### Cadangan Jawapan:

Idea Murid Pertama: Sebagai langkah keselamatan, kita perlu sentiasa berwaspada dan

berhati-hati ketika bersukan di padang.

Idea Murid Kedua: Kita juga mestilah menjaga alatan sukan dengan cermatnya dan tidak merosakkan alatan tersebut supaya semua murid boleh menggunakannya untuk bersukan.

Idea Murid Ketiga: Selain itu, kita ditegah sama sekali bergayut pada tiang gol. Hal ini boleh mendatangkan kecederaan kepada kita dan rakan-rakan yang lain sekiranya tiang tersebut patah atau tumbang.

Idea Murid Keempat: Untuk meningkatkan lagi keselamatan diri, kita hendaklah memakai pakaian yang sesuai, selesa, dan longgar. Semasa bersukan, semua murid perlu mengutamakan keselamatan diri agar mereka dapat bersukan dengan selamatnya.

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Risiko-risiko yang mungkin berlaku ketika bersukan jika keselamatan diri tidak diutamakan:
  - luka-luka
  - terkehel/tergeliat/terseliuh
  - ketegangan
  - patah tulang
- Sebab murid digalakkan bersukan sekurang-kurangnya seminggu sekali:
  - tubuh badan semakin sihat
  - disiplin diri meningkat
  - berfikiran positif

#### C. Menulis

Langkah 1: Sebelum melakukan senaman, anda perlu membuat regangan badan. Tujuannya adalah untuk melenurkan otot-otot bagi mengelakkan otot mengalami kekejangan.

Langkah 2: Selepas itu, panaskan badan dengan berlari setempat atau berjalan pantas selama lima minit. Pemanasan badan penting untuk mencegah kesakitan selepas bersenam.

Langkah 3: Seterusnya, lakukan aktiviti yang digemari seperti berjoging selama 20 hingga 30 minit.

Langkah 4: Sekiranya kamu sukar bernafas sewaktu bersenam, perlahankan aktiviti untuk mencegah berlakunya perkara buruk.

Langkah 5: Akhir sekali, sejukkan badan dengan membuat regangan atau berjalan sekurang-kurangnya dalam masa lima minit untuk mengelakkan rasa pening atau sakit.

## UNIT 8: Keselamatan Persekitaran

#### A. Menulis

1. keadaan sekeliling
2. pergerakan anak-anak
3. Pengawal keselamatan
4. membuat rondaan
5. pengunjung terjamin
6. menyelesaikan urusan

#### B. Tatabahasa

1. Encik Ghazali mempingatkan anaknya agar sentiasa berteman ketika bermain di luar rumah.

- Pengawas **dipertanggungjawabkan** untuk memastikan disiplin murid berada pada tahap yang tinggi.
- Jari **telunjuk** adik menunjuk ke arah gelembung buih sabun yang ditiup oleh sekumpulan kanak-kanak.
- Pemain futsal berkumpul di **gelanggang** untuk mendengar taklimat tentang peraturan permainan daripada jurulatih.

## UNIT 9: Patuhi Peraturan Jaminan Keselamatan

### A. Mendengar dan Bertutur

Pada minggu lepas, saya sekeluarga telah pulang ke kampung. Ayah saya memeriksa kereta untuk memastikan semua peralatan berfungsi dengan baik. Sebelum memulakan perjalanan, kami memakai tali pinggang keledar. Ayah saya mematuhi had laju yang ditetapkan ketika memandu di lebuh raya. Selain itu, ayah saya menjaga jarak yang selamat dengan kenderaan lain. Akhirnya, kami sekeluarga tiba di kampung tanpa apa-apa kemalangan.

### B. Membaca

Kita mestilah mematuhi aspek-aspek keselamatan ketika menaiki ETS. Setelah memasuki koc ETS, kita perlu mencari tempat duduk yang ditentukan. Kita dilarang berdiri dan bersandar di pintu untuk mencegah kemalangan jika pintu terbuka secara tiba-tiba. Selain itu, tempat duduk dapat dilaraskan mengikut keselesaan kita. Kita juga boleh membaca risalah tentang keselamatan penumpang bagi menjamin keselamatan kita.

## PRAKTIS PRA-UPSR 3

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

- D
- A
- B
- A
- B
- A

#### Praktis 2

- mempertanggungjawabkan
- dipertontonkan
- gelanggang
- jemari

#### Praktis 3

- D
- A
- C
- A

### B. Pemahaman

- A
- C
- B
- A

### C. Penulisan

- 'Cara-cara Menjaga Keselamatan Diri di Sekolah'
- mencegah kemalangan
- membeli makanan dan minuman
- bersukan atau bersenam di padang
- di kawasan sunyi di sekolah
- keselamatan mereka

## TEMA 4: KEMASYARAKATAN

### UNIT 10: Muafakat Membawa Berkat

#### A. Mendengar dan Bertutur

- origami
- catur
- buku cerita
- bergotong-royong
- hadiah
- kasih sayang


#### B. Membaca

- memasang telinga E

- berbesar hati A
- suara hati F
- berganding bahu C
- mandi peluh B
- semangat waja D

### Aktiviti PAK-21: Jalan Galeri (Gallery Walk)

#### Cadangan Jawapan:



### C. Menulis

- program pada hari ini
- ibu bapa dengan guru-guru
- membantu pihak sekolah
- mengecat dan mencerikan kelas
- dapat belajar dengan selesanya

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

#### Cadangan Jawapan:

- Cara-cara mempertingkatkan hubungan baik antara guru dengan ibu bapa dan murid:
  - guru-guru dan ibu bapa harus saling berkomunikasi dan bertukar-tukar pendapat
  - guru-guru dan ibu bapa perlu mengamalkan sikap toleransi
  - guru-guru dan ibu bapa hendaklah menanamkan semangat muhibah
  - guru-guru dan ibu bapa digalakkan terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan
- Sebab ibu bapa perlu melibatkan diri dalam program anjuran PIBG secara aktif:
  - membuka ruang dan peluang kepada ibu bapa untuk membincangkan pencapaian pelajaran anak-anak
  - masalah murid dapat diselesaikan hasil daripada keputusan muafakat PIBG
  - komitmen dan kerjasama ibu bapa amat penting dalam memastikan perancangan sekolah berjalan dengan lancarnya
  - memberi impak yang lebih baik kepada murid dan sekolah

### D. Seni Bahasa

–

### E. Tatabahasa

- warga sekolah
- kerjasama
- usaha sama
- berganding bahu
- berbesar hati
- membanting tulang
- berpuas hati
- berpeluk tubuh
- menang tangan
- penanda aras
- membuka jalan
- kata putus

## UNIT 11: KITA MEMBERI, ORANG MERASA

### A. Mendengar dan Bertutur

Aisyah: (1) Menurut siaran radio tersebut, semua ahli jawatankuasa karnival itu bekerjasama 'bagai aur dengan tebing' bagi menyiapkan risalah jualan amal. Risalah tersebut akan diedarkan kepada masyarakat di kawasan sekitar.

Ee Chin: (2) Saya setuju dengan pendapat kamu, Aisyah. Keadaan ini bertepatan dengan pepatah 'hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih'.

Ee Chin: (3) Selain itu, kita sewajarnya mencontohi sikap mereka. Jelasnya, amalan 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' banyak kebaikannya.

### B. Menulis

#### Cadangan Jawapan:

Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berusaha Puan Halijah binti Hamzah, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taman Manjung, Guru-guru Penolong Kanan, guru-guru yang saya hormati dan rakan-rakan yang saya kasihi. Tajuk pidato yang akan saya sampaikan pada pagi ini ialah 'Jiran Sepakat Membawa Berkat'.

Pergi ke sungai membawa joran,  
Joran diambil oleh Tuk Mat;  
Hormat-menghormati sesama jiran,  
Jiran sepakat membawa berkat.

Saya memulakan pidato saya dengan serangkap pantun tentang kebaikan amalan muafakat dalam kehidupan berjiran. Jiran yang sepakat akan mengadakan pelbagai aktiviti yang dapat memberikan manfaat kepada mereka. Mereka akan mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan kediaman mereka. Aktiviti ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan masyarakat, malahan dapat memupuk semangat kerjasama dan menjaga kebersihan kawasan kediaman.

Kebiasaannya, penduduk di sesuatu kawasan kediaman terdiri daripada pelbagai kaum. Justeru, Majlis Rumah Terbuka merupakan aktiviti terbaik yang dapat memupuk semangat kejiiran. Melalui majlis tersebut, mereka dapat menikmati juadah tradisional kaum tersebut. Selain itu, majlis tersebut juga dapat menyemaikan semangat kejiiran dan merapatkan hubungan silaturahim dalam kalangan jiran.

Jiran yang sepakat akan sentiasa ziarah-menziarahi sama ada pada musim perayaan atau pada hari-hari biasa. Amalan ini amat murni kerana menunjukkan sikap mengambil berat sesama mereka. Keprihatinan jiran terhadap jiran tetangga mereka akan mengurangkan tekanan yang dihadapi dalam menjalani kehidupan. Selain itu, amalan tersebut turut memupuk sikap saling memahami dan menghormati dalam kalangan jiran.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama menyemarakkan semangat kejiiran di kawasan kediaman kita. Jiran yang sepakat akan mewujudkan suasana yang harmoni di kawasan kejiiran.

Sekian, terima kasih.

### C. Tatabahasa

#### Ayat Tunggal dengan Peluasan Subjek:

1. Intan Liana penduduk Taman Seri Sentosa bersikap peramah.
2. Cikgu Kamalia guru Kelas Lima Gemilang sangat penyayang.

#### Ayat Majmuk dengan Peluasan Predikat:

3. Rusyaidi dan Intan Liana yang memenangi Pertandingan Menulis Karya Kreatif berasa sungguh gembira.

4. Cikgu Kamalia memberitahu murid-muridnya bahawa mereka akan melawat ke rumah anak-anak yatim dan rumah orang tua-tua.

## UNIT 12: SEDIA MEMBANTU

### A. Mendengar dan Bertutur

1. derma kilat dari kelas ke kelas
2. pakaian dan makanan daripada warga sekolah kita
3. beban Dani dan keluarganya
4. maklumkan perkara ini
5. bantuan daripada kita

#### Aktiviti PAK-21: Main Peranan (Role Play)

##### Cadangan Jawapan:

Murid Pertama: Saya cadangkan kita membuat kutipan derma dari kelas ke kelas pada minggu hadapan untuk Dani dan keluarganya yang ditimpa musibah. Kutipan derma ini perlu kita lakukan dengan secepat yang mungkin.

Murid Kedua: Saya setuju dengan cadangan kamu. Dengan ini, dapatlah kita membantu meringankan beban Dani. Pada masa sekarang, Dani amat memerlukan bantuan kewangan dan sokongan moral daripada kita semua.

Murid Ketiga: Kita juga boleh meminta derma daripada guru-guru dan kakitangan sekolah. Saya yakin mereka pun simpati dengan nasib malang yang menimpa Dani. Sekurang-kurangnya Dani tahu bahawa kita berada bersama-samanya ketika susah dan ketika senang.

### B. Membaca

#### Ayat Aktif:

1. Tujuan utama penubuhannya adalah untuk memberikan bantuan perubatan dan kesihatan kepada golongan yang memerlukannya.
2. Contohnya, MERCY Malaysia telah menubuhkan klinik vaksinasi bergerak di Kuala Lumpur.
3. Kini, MERCY Malaysia berjaya menambat hati masyarakat dunia.

#### Ayat Pasif:

1. Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia ini diasaskan oleh Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood.
2. Bantuan tersebut diberikan kepada mangsa bencana alam di dalam dan di luar negara.
3. Pelbagai projek pembangunan kesihatan telah dilaksanakan oleh MERCY Malaysia.

### C. Menulis

#### Pendahuluan

Namaku Nanas. Tuanku, iaitu Encik Amin menjagaku dan kawan-kawanku dengan baiknya. Kami selalu dibaja oleh Encik Amin.

#### Isi 1

Kami mula berbuah. Isteri Encik Amin, Puan Salwa amat seronok. Beliau suka membuat jus nanas. Encik Amin pula gemar akan masakan paji nanas.

#### Isi 2

Encik Amin menjualku kepada pemborong. Aku juga dihantar ke pasar tani dan ke kedai buah-buahan.

#### Isi 3

Jualan buahku laris. Aku turut diberikan kepada jiran tetangga. Mereka memuji kemanisan buahku.

## Penutup

Aku berasa – bangga kerana dapat menabur bakti kepada Encik Amin.

## D. Seni Bahasa

### PRAKTIS PRA-UPSR 4

#### A. Sistem Bahasa

##### Praktis 1

1. D      2. D      3. B      4. A

##### Praktis 2

1. B      2. A      3. B      4. A      5. A

#### B. Pemahaman

- (a) Kementerian yang terlibat dengan penganjuran Program Larian Mesra Amal ialah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- (b) Matlamat Program Larian Mesra Amal adalah untuk mengumpulkan dana bagi membantu mangsa banjir.
- (c) ... Cara paling mudah untuk dia mendapatkan borang penyertaan adalah dengan melayari laman sesawang www.mbsa.gov.my.
- (d) Sekiranya saya ingin menyertai program ini, saya akan berjoging pada setiap hari. Saya melakukan perkara tersebut untuk meningkatkan stamina diri.

#### C. Penulisan

1. Abang Idham memesin lalang yang telah meninggi di halaman balai raya itu.
2. Ruzimah menyapu daun kering yang bertaburan di halaman balai raya.
3. Gadis itu mengutip sampah sarap lalu dimasukkan ke dalam beg plastik.
4. Encik Lim mencantas dahan pokok agar halaman balai raya kelihatan cantik.
5. Puan Ayuni mengedarkan minuman kepada penduduk yang bergotong-royong.

## TEMA 5: WARISAN BANGSA

### UNIT 13: Uniknaya Budaya Kita

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. menghasilkan bunyi
2. digoncang
3. kekuatan alunan
4. rentak tarian

#### Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

##### Cadangan Jawapan:

Murid Pertama: Siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk membaca mantera dalam tarian dabus?

Pakar: Khalifahlah yang dipertanggungjawabkan untuk membaca mantera dalam tarian dabus.

Murid Kedua: Bilakah khalifah akan membaca mantera?

Pakar: Khalifah akan membaca mantera sebelum alat muzik dimainkan.

Murid Ketiga: Apakah alat muzik utama yang mengiringi tarian dabus?

Pakar: Alat muzik utama yang mengiringi tarian dabus ialah rebana.

Murid Keempat: Bagaimanakah rupa bentuk anak dabus?

Pakar: Anak dabus berbentuk tajam dan runcing pada bahagian pangkalnya. Pada bahagian hujungnya pula, terdapat tiga atau empat kelopak yang diletakkan cincin pada setiap kelopak.

## B. Membaca

### Ayat Tunggal:

1. Ibu saudara saya telah mengadakan majlis berendoi.
2. Majlis berendoi dipercayai berfungsi sebagai alat hiburan.
3. Nyanyian dalam majlis berendoi ini dapat memberikan pengajaran.
4. Lirik-lirik lagunya diselitkan dengan unsur-unsur nasihat.

### Ayat Majmuk:

1. Saya berdoa agar saudara berada dalam keadaan sihat.
2. Majlis dimulakan dengan bacaan selawat dan diikuti dengan lagu-lagu lain.
3. Lagu-lagu lain berupa puji-pujian dan berunsur nasihat kepada anak-anak.
4. Kaum lelaki memakai baju Melayu dan bersongkok ketika menghadiri majlis ini.

## UNIT 14: Citra Seni

### A. Membaca

#### Idea Sampingan:

1. Seni tekstil ini digemari oleh masyarakat tempatan dan pelancong asing.
2. Antaranya termasuklah batik blok, batik skrin, batik tulis, dan batik pelangi.
3. Motif tersebut ialah motif flora, motif fauna, motif geometri, dan motif isen.

#### Ramalan:

Pada ramalan saya, seni batik berpotensi untuk berkembang dengan lebih luas pada masa akan datang. Hasil seni batik yang terdiri daripada pelbagai motif akan menjadikan batik Malaysia terkenal di seluruh pelosok dunia.

### B. Menulis

Kesalahan Ejaan	Pembetulan
1. diPerak	1. di Perak
2. Kuala Kangsor	2. Kuala Kangsar
3. memelukan	3. memerlukan
4. tingi	4. tinggi
5. acuwan	5. acuan
6. pucok rebong	6. pucuk rebung

Kesalahan Tanda Baca	Pembetulan
1. Tahukah kamu proses pembuatan labu sayong.	1. Tahukah kamu proses pembuatan labu sayong?
2. terdapat	2. Terdapat
3. Kebiasaannya;	3. Kebiasaannya,
4. Cakar Ayam	4. cakar ayam

### C. Tatabahasa

1. Program Hari Kesenian dan Kebudayaan, Taman Seri Cheras Jaya dimulakan dengan bacaan doa oleh al-Fadil Ustaz Hassan bin Salleh.
2. Datin Sabrina binti Sabri selaku pengerusi program menyampaikan ucapan alu-aluan kepada hadirin.
3. Yang Berbahagia Dato' Rahman bin Ramli dipersilakan ke pentas untuk merasmikan Hari Kesenian dan Kebudayaan.
4. Encik Saddiq bin Husaini telah mengetuai pertunjukan pakaian tradisional.



## UNIT 15: Keindahan Seni

### A. Mendengar dan Bertutur

1. kawah
2. dikacau
3. lima jam
4. hari perayaan

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa

#### Cadangan Jawapan:

- Perisa dodol yang boleh didapati di pasaran:
  - asli, strawberi, kapucino, kismis, wajik sirat, kurma, pandan, jagung, mangga, durian, coklat, nanas, dan angka
- Sebab dodol menjadi pilihan ramai pada hari perayaan dan musim kenduri:
  - rasanya yang manis dan enak
  - tahan lama

### B. Membaca

#### Negeri Pilihan:

Kami bersepakat untuk melawat ke negeri Melaka.

#### Alasan:

Kami memilih negeri Melaka kerana negeri ini kaya dengan tempat yang menarik. Selain itu, ada banyak bangunan lama dan tempat bersejarah yang boleh kami lawati. Antaranya termasuklah Kota A'Famosa, Bangunan Stadthuys, Bukit St. Paul, dan Menara Taming Sari. Negeri Melaka juga diiktiraf sebagai Bandar Warisan Dunia.

### C. Menulis

Asal usul nama Sabak Bernam dikatakan diperoleh daripada peristiwa enam orang bekas pembesar Aceh dan Sumatera yang melarikan diri ke Tanah Melayu. Mereka mencapai kata sepakat untuk mengharungi Selat Melaka. Mereka masuk ke kuala sungai dan menamakan sungai itu Sungai Bernam. Mereka mudik ke hulu sungai dan berjumpa dengan suatu tempat yang tinggi seperti busut. Mereka membina pondok di situ. Mereka memasak makanan dengan menebuk tanah untuk dijadikan tungku dapur. Tungku dapur daripada tanah itu dikenali sebagai sabak. Lantaran itu, mereka menamakan tempat itu Sabak Bernam. Nama itu diambil bersempena dengan peristiwa memasak makanan dan mereka yang terdiri daripada enam orang sahabat.

## PRAKTIS PRA-UPSR 5

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

1. B
2. C
3. A
4. D

#### Praktis 2

Baiklah, cikgu. Saya akan maklumkan perkara tersebut kepada rakan-rakan dengan segeranya.

### B. Pemahaman

1. C
2. D
3. B
4. C

### C. Penulisan

#### Isi-isi Penting:

- (a) melambangkan identiti negara – dilihat pada warisan budaya seperti tarian tradisional sesuatu kaum – contohnya, makyung dan tarian zapin bagi kaum Melayu, tarian naga dan tarian kipas bagi kaum Cina – tarian Bharata Natyng bagi kaum India
- (b) menjadi daya tarikan pelancong – contohnya, bangunan bersejarah mempunyai ciri-ciri keunikan tersendiri – mengetahui sejarah sebenar yang berlaku di sesuatu tempat – membuktikan kehebatan ciptaan masyarakat dahulu

- (c) mengekalkan kesinambungan tamadun sesuatu bangsa – generasi muda tahu tentang asal usul mereka – memperkenalkan permainan tradisional untuk menghidupkan kembali kegemilangannya – contohnya, wau, gasing, congkak, dan batu seremban
- (d) memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat – mengenang jasa para pejuang – rela berkorban untuk mempertahankan negara – tidak melupakan peristiwa penting yang berlaku di negara kita

## TEMA 6: PERTANIAN DAN PENTERNAKAN DI MALAYSIA

### UNIT 16: Kejayaan Tanaman Kita

#### A. Membaca

##### Maklumat Tersirat:

1. Pertanian utama
2. Penanaman mesra alam
3. Kemajuan dalam industri makanan berasaskan koko

##### Ulasan:

1. Menyumbang kepada ekonomi negara
2. Mengekalkan alam sekitar yang bersih
3. Mempelbagaikan produk berasaskan koko

#### B. Menulis

Bunyi cengkerik penyeri suasana,  
Menemani malam yang damai;  
Mawar atau ros pelbagai warna,  
Tanaman hiasan diminati ramai.

Pelbagai tumbuhan penghias hutan,  
Menjadi ubatan daripada akar;  
Cara membiak menggunakan keratan,  
Tanah subur bunganya mekar.

Bunga cantik gubahan Mak Usu,  
Banyak peminat membuat tempahan;  
Mawar ditanam di dalam pasu,  
Tumbuh subur di rumah teduhan.

Mawar ditanam kembang di taman,  
Elok dijaga tanpa penat;  
Mawar menjadi penghias halaman,  
Idaman hati para peminat.

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Sebab-sebab bunga mawar banyak mempunyai peminatnya:
  - boleh ditanam di dalam pasu ataupun di atas tanah di halaman rumah
  - mengeluarkan aroma yang harum
  - menghasilkan pelbagai variasi warna yang menarik seperti warna merah, putih, kuning, merah jambu, dan biru
  - mempunyai lebih daripada 100 spesies mawar
  - memberikan ketenangan serta merangsang minda
- Cara-cara menjaga bunga mawar:
  - persekitaran yang bersih
  - pencahayaan sinar matahari yang cukup pada setiap hari
  - pemberian pemakanan yang konsisten dan lengkap, iaitu mengandungi nutrien yang cukup untuk tumbesaran pokok, daun dan bunga yang sihat dan subur
  - siraman air yang mencukupi

**C. Tatabahasa**

- |           |            |
|-----------|------------|
| 1. yang   | 6. yang    |
| 2. yang   | 7. Untuk   |
| 3. Untuk  | 8. bahawa  |
| 4. bahawa | 9. yang    |
| 5. Untuk  | 10. bahawa |

- Beberapa orang pekebun kecil yang menanam lada hitam bersetuju untuk mengusahakan tanaman tersebut bersama-sama.
- Penanaman mangga harum manis dijalankan secara komersial di negeri itu untuk menambahkan pendapatan para petani.
- Pak Cik Yunus menyatakan bahawa kegigihannya berbakti kepada tanah telah memberikan pendapatan yang lumayan kepadanya.

**UNIT 17: Hasil Ternakan Kita**

**A. Mendengar dan Bertutur**

- Sungai Lembang, Pahang
- tahun 1992
- 102 hektar
- kandang yang berasingan
- daun-daun pokok, *pellet*, dan dedak

**B. Membaca**

**Rangkap Pertama**

Penyajak bersungguh-sungguh memelihara ikan keli tanpa mengenal erti putus asa kerana ingin mencari sesuap rezeki.

**Rangkap Kedua**

Penyajak menyediakan kolam kanvas yang sesuai untuk melindungi ikan-ikan keli yang ditenaknya.

**Rangkap Ketiga**


Penyajak memberikan makanan berkhasiat kepada ikan-ikan kelinya agar ikan keli tersebut dapat membesar dengan sihatnya serta menghasilkan isi dan telur yang berkualiti.

**Rangkap Keempat**

Penyajak menjual ikan kelinya dan memperoleh pendapatan yang lumayan. Penyajak bersyukur kerana penternakan ikan kelinya berhasil.

**Aktiviti PAK-21: Peta I-THINK**

**Cadangan Jawapan:**



**C. Tatabahasa**

- |          |           |
|----------|-----------|
| 1. Ya    | 6. tidak  |
| 2. tidak | 7. tidak  |
| 3. betul | 8. tidak  |
| 4. bukan | 9. Tidak  |
| 5. Ya    | 10. bukan |

**UNIT 18: Era Biodiversiti dan Bioteknologi**

**A. Mendengar dan Bertutur**

- Pak Long
- Profesor Dr. Irwan bin Datuk Imran
- Syed Azmi bin Syed Al-Attas
- Yang Mulia Tengku Zaharah binti Tengku Zainal Abidin

**B. Membaca**

- (a) Merupakan habitat hidupan marin  
(b) Menjamin populasi pelbagai jenis ikan  
(c) Mencegah kawasan pesisiran daripada hakisan  
(d) Menjadi tempat perlindungan burung penghijrah  
(e) Merupakan aset pelancongan negara
- Dua langkah yang perlu diambil untuk melindungi hutan bakau di negara kita ialah penanaman semula pokok bakau di kawasan yang telah ditebang dan menjalankan Kempen Sayangi Alam Sekitar.

**PRAKTIS PRA-UPSR 6**

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

- |      |      |      |      |
|------|------|------|------|
| 1. A | 2. A | 3. B | 4. D |
|------|------|------|------|

**Praktis 2**

- |           |          |
|-----------|----------|
| 1. dalam  | 4. atas  |
| 2. tengah | 5. bawah |
| 3. tepi   |          |

**B. Pemahaman**

- Gambaran yang dapat dilihat di kawasan sawah ialah tanaman padi yang menghijau.
  - Teknologi tabur terus dalam penanaman padi merupakan teknologi yang menjadi pilihan petani.
- |   |   |
|---|---|
| (c) Kaedah penanaman padi masih belum berubah.  | ✗ |
| Teknik telah bertukar mengikut peredaran zaman. | ✓ |
- Baris-baris pantun di atas bermaksud penyediaan padi dengan kaedah terkini menjadikan petani bertambah maju.

**C. Penulisan**

Alya: Apa khabar, Balqis?  
Balqis: Saya khabar baik.  
Alya: Bagaimanakah dengan cadangan projek memelihara arnab kita?  
Balqis: Ibu bapa saya tiada halangan dengan cadangan kita. Buat permulaan, kita perlu menyediakan sangkarnya terlebih dahulu.  
Alya: Ayah dan ibu saya pun bersetuju dengan cadangan kita.  
Balqis: Baguslah kalau begitu. Oh, ya! Saya telah berjaya mendapatkan maklumat tentang harga sangkar arnab di Internet.  
Alya: Berapakah harganya? Mahal atau murah?  
Balqis: Harganya amat berpatutan. Kita boleh berkongsi membelinya.  
Alya: Tentang arnab pula, saya fikir kita tidak perlu membelinya. Sepupu saya ada memelihara arnab. Dia berjanji akan memberi kita empat ekor arnab.  
Balqis: Kalau begitu, dapatlah kita menjimatkan kos. Di manakah sepupu kamu tinggal?  
Alya: Rumahnya berdekatan dengan rumah saya. Arnab yang akan diberikan kepada kita adalah daripada spesies 'angora'. Arnab spesies ini jinak dan berbulu panjang.

Balqis: Mengikuti pemahaman saya, pemakanan arnab pula tidak susah kerana arnab suka makan sayur.

Alya: Ya, betul kata kamu. Namun begitu, pemberian kuantiti makanan perlu dibezakan mengikut umur arnab.

Balqis: Rasanya kita sudah bersedia untuk memelihara arnab.

Alya: Saya akan menghubungi sepupu saya esok untuk mengambil arnab-arnab yang ingin diberikan kepada kita.

## TEMA 7: PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

### UNIT 19: Tokoh Sanjungan

#### A. Mendengar dan Bertutur

- |         |           |
|---------|-----------|
| 1. kita | 4. beliau |
| 2. kamu | 5. saya   |
| 3. itu  | 6. sana   |

#### B. Membaca

1. Profesor Emeritus Dato' Asmah Haji Omar ialah tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa dan perancang bahasa Melayu.
2. Beliau gigih menabur jasa dengan menghasilkan pelbagai karya yang berkaitan dengan bahasa Melayu serta menjalankan penyelidikan bahasa.
3. Ketokohan beliau dalam mengangkat martabat bahasa Melayu tidak perlu dipertikaikan lagi. Beliau terus berjuang untuk mempertahankan bahasa Melayu.
4. Sumbangan beliau dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu begitu besar. Akhirnya, bahasa Melayu semakin berkembang di seluruh dunia.
5. Beliau amat dikenali dalam kalangan pencinta bahasa Melayu sebagai pejuang bahasa yang berjiwa kental.

#### C. Menulis

Kata Ganda	{	Kata Ganda Penuh	{	• siapa-siapa
		Kata Ganda Berimbuhan		• songket-songket
		Kata Ganda Berentak		• keanak-anakan
				• gilang-gemilang
				• berulang-alik

### UNIT 20: Negara yang Kusayangi

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. tolong
2. tolong
3. sila
4. harap
5. Minta

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Cara-cara menyambut Hari Kemerdekaan:
  - menyertai perarakan Hari Merdeka
  - melawat Muzium Negara
  - menonton filem bercorak patriotik
- Faktor-faktor generasi muda semakin pudar semangat kemerdekaan:
  - tidak merasai pahit maung yang dialami oleh pejuang kemerdekaan
  - terlalu mengagungkan ideologi Barat
  - kempen kesedaran yang kurang berkesan

#### B. Membaca

Persamaan idea yang terdapat dalam kedua-dua petikan ialah perasaan sayang akan negara yang dimiliki oleh watak

utama, iaitu 'aku' dan 'datuk'. Penulis sajak dan petikan tersebut juga mempunyai semangat juang yang tinggi untuk memerdekakan negara tercinta daripada cengkaman penjajah. Persamaan idea yang seterusnya ialah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pejuang negara ketika menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Selain itu, semangat cinta akan negara yang digambarkan dalam kedua-dua petikan itu begitu membara dalam diri pejuang negara.

#### C. Menulis

1. Aku melambai-lambaikan tanganku kepada mereka.
2. Jerih perih aku menuntut ilmu di sini akan kucurahkan demi kebaikan anak-anak bangsaku kelak.
3. Aku berasa terharu kerana kepulanganku disambut oleh adik-beradik dan saudara-maraku.
4. Aku teruja apabila melihat Jalur Gemilang berkibar-kibaran di sepanjang jalan.
5. Aku merindui lauk-pauk dan kuih-muih tempatan juga.
6. Hatiku melonjak-lonjak gembira ketika menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan.

#### D. Seni Bahasa

Adam, Melvin, Logan, dan Gurmeet berbincang tentang sambutan Hari Kemerdekaan yang akan diadakan di kampung mereka. Mereka hendak menyertai sambutan tersebut.

Mereka berkumpul di simpang jalan di kampung mereka. Mereka begitu bersemangat. Mereka mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Mereka singgah di rumah Pak Abas kerana mereka telah berjanji dengannya hendak pergi bersama-sama. Pak Abas yang lengkap berbaju Melayu sedang menanti mereka.

Kemudian, mereka berbasikal ke padang. Perarakan Hari Kemerdekaan yang diadakan di kampung mereka berlangsung dengan sangat meriah. Sambutan itu disertai oleh semua penduduk tanpa mengira usia dan bangsa.

#### E. Tatabahasa

1. Tuan Saiful Nizam mengalu-alukan rombongan dari Sekolah Kebangsaan Parit Raja dengan mengucapkan selamat datang ke Muzium Tentera Darat kepada mereka.
2. Tuan Saiful Nizam memberitahu peserta rombongan bahawa terdapat beberapa sudut galeri khusus untuk mempamerkan peralatan ketenteraan di muzium itu.
3. Qasrina bertanya kepada Tuan Saiful Nizam tentang aspirasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
4. Tuan Saiful Nizam menerangkan kepada Qasrina dan rakan-rakannya bahawa muzium itu diwujudkan untuk membangunkan dan memelihara koleksi khazanah ATM.
5. Qasrina memberitahu rakan-rakannya bahawa dia berasa amat gembira kerana dapat mengikuti rombongan ke Muzium Tentera Darat.

### UNIT 21: Tanggungjawab Kita

#### A. Mendengar dan Bertutur

Negeri Pahang terkenal sebagai destinasi percutian tanah tinggi seperti Tanah Tinggi Cameron. Kawasan ini menjanjikan suasana yang sejuk dan nyaman. Selain itu, gulai tempoyak ikan patin merupakan makanan tradisional yang popular di negeri ini. Pulau Tioman pula menjadi lokasi bersnorkel kerana keindahan hidupan lautnya. Akhir sekali, Pantai Teluk Cempedak turut mencuri tumpuan pelancong untuk melakukan pelbagai aktiviti yang menarik.

## B. Membaca

1. A
2. F
3. B
4. C
5. E
6. D

## C. Menulis

Mula-mula, semua murid perlu mendaftarkan nama di meja urus setia. Kemudian, petugas pada hari pilihan raya akan menyerahkan kertas undi kepada murid-murid. Bersama-sama kertas undi itu, murid-murid dibenarkan masuk ke dalam dewan untuk memangkah undi calon pilihan mereka. Mereka perlu memasukkan kertas undi itu ke dalam peti undi yang disediakan. Selepas masa mengundi berakhir, guru-guru akan mengira kertas undi dengan berhati-hati untuk memastikan proses pengiraan berjalan dengan adilnya. Setelah jumlah pengiraan kertas undi selesai, guru akan mengumumkan keputusan pemilihan Jawatankuasa Kelab Kesukarelawan, Sekolah Kebangsaan Cyberjaya.

## PRAKTIS PRA-UPSR 7

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

1. B
2. A
3. A
4. C
5. B
6. B
7. D
8. C

#### Praktis 2

1. C
2. A
3. C
4. B

#### Praktis 3

1. A
2. Pekerja asing di Malaysia mestilah mematuhi undang-undang negara ini kerana 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'.

### B. Pemahaman

1. C
2. C
3. D
4. C
5. A

### C. Penulisan

1. Membaca ikrar dalam perhimpunan rasmi sekolah adalah satu daripada cara kita menunjukkan semangat cinta akan negara.
2. Kita haruslah berdiri tegak semasa menyanyikan lagu 'Negaraku' untuk menunjukkan semangat cinta akan negara.
3. Kita boleh menjiwai perasaan cinta akan negara dengan mengibarkan bendera Malaysia, iaitu Jalur Gemilang.
4. Melukis mural Jalur Gemilang yang merupakan bendera Malaysia pada dinding sekolah juga boleh menyemaikan perasaan cinta akan negara.
5. Murid-murid dapat memupuk semangat cinta akan negara dalam diri masing-masing apabila menyertai perarakan Hari Kebangsaan.

## TEMA 8: EKONOMI MALAYSIA

### UNIT 22: Perniagaan di Malaysia

#### A. Mendengar dan Bertutur

1. Penulis menjadikan Profesor Abdul Razak sebagai gurunya dalam menjalankan perniagaan dalam talian.
2. Beliau telah menyedarkan penulis agar tidak menentang kemajuan untuk memperoleh kejayaan dalam bidang yang diceburinya.
3. Sikap terbuka dan berpandangan jauh merupakan syarat yang mesti dipenuhi supaya penulis mencapai kejayaan dalam perniagaan.
4. Kita perlu mematuhi peraturan-peraturan dalam bidang perniagaan.

### Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

#### Cadangan Jawapan:

Idea Murid Pertama: Sejak belakangan ini, terdapat pelbagai jenis perniagaan secara dalam talian sekali gus memeriahkan industri yang disertai oleh generasi muda. Bidang perniagaan yang semakin diminati ini bukan sahaja dapat menambah pendapatan kepada keluarga, bahkan menjadi satu trend yang sihat.

Idea Murid Kedua: Antara faedah perniagaan secara dalam talian termasuklah urusannya lebih mudah dan pantas. Urusan jual beli yang dilakukan pula tidak melibatkan pertemuan penjual dan pembeli secara langsung. Bahkan, urusan pembelian boleh dilakukan pada bila-bila masa kerana perniagaan ini beroperasi tanpa had masa.

Idea Murid Ketiga: Mereka yang berurus niaga secara dalam talian tidak memerlukan premis perniagaan yang besar dan kakitangan yang banyak. Peniaga-peniaga juga dapat menjimatkan kos pengiklanan. Peniaga kini boleh mengiklankan produk perniagaan mereka di laman sosial seperti *Instagram*, *Facebook*, dan *Twitter* dengan pantasnya dan berkesan tanpa perlu mengeluarkan kos yang besar. Laman sosial tersebut boleh dikemaskinikan pada setiap masa jika terdapat maklumat baharu mengenai perniagaan yang ingin disampaikan khususnya kepada pelanggan.

Idea Murid Keempat: Perniagaan secara dalam talian juga menyediakan platform pencarian produk yang lebih murah. Selain mudah untuk dicari di Internet, pelanggan boleh membuat perbandingan produk yang mampu memenuhi keperluan dengan cepatnya. Malah, pelanggan boleh meninggalkan komen berkaitan dengan produk atau servis yang diperoleh melalui pautan maklum balas di laman web tertentu.

### B. Tatabahasa

1. Hasil tenunan songket Cik Ayuni mendapat sambutan yang baik daripada pelanggan.
2. Pekerja kedai itu menggubah bunga seperti yang diminta oleh pelanggan dengan berhati-hati.
3. Restoran masakan kampung yang dusahakan oleh Abang Rafizi semakin maju.
4. Perkhidmatan pengangkutan disediakan di kawasan pelancongan itu demi kemudahan pelancong.

## UNIT 23: Keusahawanan

### A. Membaca

#### Ayat Aktif:

1. Minat yang mendalam terhadap pembuatan kuih loyang telah mendorong beliau menceburi bidang ini.
2. Puan Suhana Ahmad mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya dalam perniagaannya.

- Oleh itu, beliau cuba membuat inovasi pada bentuk kuih loyang.

**Ayat Pasif:**

- Cara-cara membuat kuih loyang dipelajari oleh beliau daripada arwah neneknya.
- Beliau dibantu oleh beberapa orang pekerja untuk memenuhi permintaan para pelanggan.
- Kuih loyang keluaran syarikatnya juga disukai ramai.

**Aktiviti PAK-21: Pembentangan Hasil Sendiri**

**Cadangan Jawapan:**

Pengusaha industri desa berhadapan dengan pelbagai halangan. Antaranya termasuklah mereka kekurangan modal dan sumber kewangan yang menjadi tulang belakang untuk berniaga. Selain itu, mereka tidak mendapat sokongan serta motivasi daripada ibu bapa, anggota keluarga, rakan-rakan, dan sebagainya. Sikap tidak yakin akan keupayaan dan kebolehan syarikat untuk bersaing dengan pesaing terkenal di luar negara juga sering membantutkan hasrat pengusaha industri desa untuk memperkenalkan produk di pasaran luar negara.

**B. Tatabahasa**

- |               |                |
|---------------|----------------|
| 1. gigih      | 5. pernah jemu |
| 2. agak luas  | 6. kemas       |
| 3. harus      | 7. sudah       |
| 4. agak sukar | 8. telah       |

**Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)**

**Cadangan Jawapan:**

- Keistimewaan dan kelebihan kerepek:
  - rangup
  - tidak berminyak
  - berkhasiat
- Faktor-faktor pengusaha menceburi perusahaan kerepek:
  - permintaan terhadap makanan ringan tidak pernah berkurang
  - sasaran keuntungan semakin mudah
  - banyak perusahaan kecil dan sederhana berjaya dalam perusahaan makanan ringan

**UNIT 24: Pengurusan Kewangan**

**A. Mendengar dan Bertutur**

- menjadi pengguna yang bijak berbelanja!
- barang yang hendak kita beli sebelum membeli-belah
- perbandingan harga
- dapat menjimatkan wang
- mahal sedikit harganya, tetapi bermutu dan tahan lama

**B. Menulis**

Pada 14 Julai 2019, Siti Arifah dan rakan-rakannya dari kelas Tahun Lima Kreatif akan mengadakan jamuan hari raya pada pukul 2:00 petang. Mereka berbincang tentang anggaran perbelanjaan dan pendapatan untuk menjayakan jamuan tersebut.

Kos yang diperlukan untuk menampung bayaran makanan dan minuman adalah sebanyak RM260.00. Kira-kira 40 orang akan terlibat dengan jamuan tersebut. Selain itu, RM100.00 diperlukan untuk membeli cenderamata. Bagi hiasan kelas pula, sebanyak RM40.00 diperlukan untuk membeli hiasan seperti belon, reben, dan beberapa hiasan lain.

Siti Arifah dan rakan-rakannya bersetuju untuk membelanjakan RM50.00 bagi barangan runcit yang lain. Mereka juga berjaya mendapatkan sumbangan dan tajaan yang bernilai RM280.00 untuk memeriahkan majlis jamuan hari raya.

Setelah semuanya mencapai kata sepakat dalam perbincangan tersebut, mereka hanya menunggu hari yang dirancang dengan penuh debaran.

**PRAKTIS PRA-UPSR 8**

**A. Sistem Bahasa**

**Praktis 1**

1. C      2. D      3. D      4. A

**Praktis 2**

(i) Beliau banyak _____ tempahan kuih bulan semasa Tahun Baharu Cina.	X	diusahakan
(ii) Perniagaan dalam talian yang _____ oleh Abang Zakuan semakin berkembang.		menghasilkan
(iii) Norish membelanjakan wang yang _____ oleh ayahnya dengan cermatnya.		menerima
(iv) Usahawan tempatan berjaya _____ barangan yang setanding dengan barangan luar negara.		diberikan

**B. Pemahaman**

- (i) diuli menjadi bentuk silinder  
(ii) direbus selama 45 minit
- Ikan-ikan perlu dimasukkan ke dalam mesin pengasing tulang untuk mengasingkan isi ikan daripada tulangnya seterusnya mengelakkan orang ramai tercekik tulang ikan ketika makan keropok lekor.
- Pada pendapat saya, pengusaha keropok lekor perlu kreatif dan berpandangan jauh untuk memajukan perusahaan mereka. Pengusaha keropok lekor juga boleh menggunakan peralatan atau mesin moden untuk mempercepat proses penghasilan keropok lekor pada skala yang lebih besar. Selain itu, mereka haruslah bijak mencari peluang dan platform dalam usaha mempromosikan produk mereka pada peringkat domestik mahupun global.

**C. Penulisan**

Gambar menunjukkan poster perkhidmatan penyajian makanan yang ditawarkan oleh Katering Kristal. Pengusaha katering tersebut bersedia menerima tempahan makanan bagi menjayakan majlis pertunangan, majlis perkahwinan, majlis kenduri doa selamat, dan pelbagai jenis jamuan. Selain itu, pengusaha katering tersebut turut menawarkan perkhidmatan menyewa khemah, kerusi, meja, dan hiasan. Di samping itu, perkhidmatan andaman pengantin, kumpulan kompang, dan persembahan muzik tradisional turut ditawarkan. Lantaran itu, sesiapa yang berminat hendak menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Katering Kristal bolehlah menghubungi Encik Arif menerusi talian telefon 03 24874419 atau Puan Edora 011 6767705 bagi urusan tempahan.

**TEMA 9: LESTARIKAN BUMI KITA**

**UNIT 25: Aktiviti Mesra Alam**

**A. Mendengar dan Bertutur**

Zamri: Amalan mesra alam wajar kita praktikkan dalam aktiviti seharian.

Raihana: Saya bersetuju dengan pendapat kamu.  
 Zamri: Kita perlulah (1) mengumpulkan bahan-bahan yang dapat dikitar semula untuk dihantar ke pusat kitar semula. Dengan itu, (2) sisa buangan dapat dikurangkan.  
 Raihana: Selain itu, kita digalakkan (3) menunggag basikal ke tempat yang berdekatan dengan rumah untuk (4) mengurangkan pencemaran udara.  
 Zamri: Kita juga hendaklah (5) menggunakan pancuran semasa mandi. Dengan cara ini, kita dapat (6) menjimatkan air.  
 Raihana: Di samping itu, kita mesti (7) menutup suis televisyen dan mencabut plag selepas menggunakannya untuk (8) menjimatkan tenaga elektrik.

#### Aktiviti PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

##### Cadangan Jawapan:

Idea Murid Pertama: Amalan mesra alam merupakan amalan menggunakan barangan atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan asas supaya mencapai kualiti hidup yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, kita dapat mengurangkan penggunaan sumber asli, bahan toksik, dan pengeluaran bahan pencemar supaya tidak menggugat keperluan generasi akan datang. Amalan mesra alam ini amat mengutamakan penggunaan sumber air, tenaga, dan sumber-sumber asli yang lain secara berhemat. Penggunaan alternatif-alternatif kepada sumber yang tidak boleh diperbaharui seperti petroleum dan arang batu juga digalakkan. Selain penggunaan sumber asli dengan berhemat, penggunaan teknologi yang bersih dan mesra alam juga dapat mencapai kualiti hidup yang tinggi.

Idea Murid Kedua: Saya setuju dengan pendapat kamu. Kita juga boleh menanam sayur-sayuran secara hidroponik di sekitar kawasan rumah. Cara penanaman ini tidak memerlukan ruang tanah yang luas, sayur-sayuran yang ditanam lebih segar, bebas kimia racun perosak serta sihat dimakan. Sisa-sisa sayuran dan buah-buahan juga boleh kita jadikan sebagai baja organik. Aktiviti ini sesuai dijadikan sebagai aktiviti seisi keluarga pada hujung minggu. Kos perbelanjaan rumah dapat dikurangkan serta hubungan antara anggota keluarga juga dieratkan lagi melalui amalan mesra alam ini.

#### B. Membaca

##### Ramalan:

Mengikut ramalan saya, pembalok yang melakukan aktiviti pembalakan secara haram akan ditangkap setelah ayah Nazrin melaporkan perbuatan mereka kepada Jabatan Perhutanan. Kegiatan pembalakan haram tersebut akan dapat ditumpaskan dengan adanya kesedaran penduduk setempat. Keberanian ayah Nazrin melaporkan perbuatan tersebut kepada pihak berkenaan wajar kita contohi kerana tindakannya dapat menyelamatkan hutan dan penghuninya.

#### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

##### Cadangan Jawapan:

- Empat fungsi utama hutan:
  - menstabilkan peratus oksigen di permukaan bumi
  - kawasan tadahan hujan
  - habitat bagi flora dan fauna
  - menjana ekonomi negara
- Cara untuk menyelesaikan isu pembalakan haram:
  - mengenakan hukuman penjara dan denda terhadap pemusnah hutan
  - mewartakan semua kawasan hutan sebagai Taman Negara dan Hutan Simpan Kekal
  - pasukan penguatkuasa terutama renjer hutan harus ditambah jumlahnya
  - menjalankan kempen kesedaran tentang peri pentingnya hutan dalam ekosistem kita

#### UNIT 26: Isu Alam Sekitar

##### A. Membaca

Poster menunjukkan langkah mengasingkan sisa pepejal di rumah dan kebajikannya.

Terdapat tiga langkah mudah untuk mengasingkan sisa pepejal. Pertamanya, asingkan sisa pepejal mengikut jenisnya. Keduanya, sisa pepejal yang telah diasingkan perlu disimpan sementara di dalam bekas yang sesuai. Ketiganya, letakkan sisa pepejal di tepi tong sampah pada hari kutipan dilakukan. Pengguna diminta mengasingkan sisa pepejal untuk mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula. Selain itu, jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan sampah dapat dikurangkan juga. Secara tidak langsung, kita dapat menjimatkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal.

Kesimpulannya, kita mestilah menghargai alam sekitar demi negara yang bersih, indah, dan sejahtera.

##### B. Menulis

###### Ulasan:

Pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut ialah kita haruslah bertimbang rasa dengan menghargai keindahan alam. Selain itu, kita mestilah cinta akan alam sekitar dengan memelihara khazanah alam termasuklah flora dan faunanya. Kita juga wajar bertanggungjawab terhadap alam walaupun sibuk mengejar pembangunan. Seterusnya, kita sepatutnya bekerjasama untuk memelihara keindahan alam. Akhir sekali, kita haruslah bersikap sederhana dan tidak terlalu mengejar harta kekayaan demi kebaikan semua hidupan di alam ini.

#### Aktiviti PAK-21: Deklamasi Sajak

##### Cadangan Jawapan:

###### Alam Ini Milik Kita Bersama

Alamku,  
 Khazanahmu sungguh bernilai  
 Keindahanmu tidak terbanding.

Alamku,  
 Keindahanmu bagaikan syurga  
 Air laut yang berombak-ombak  
 Burung-burung berkicau merdu  
 Tumbuh-tumbuhan yang menghijau.

Alamku,  
 Keindahanmu kian pudar  
 Dek perbuatan manusia yang haloba  
 Tumbuh-tumbuhan semakin layu  
 Haiwan semakin pupus.

Marilah kita semua  
Menjaga alam ini  
Kerana alam ini tidak ternilai harganya.

## UNIT 27: Selamatkan Bumi Kita

### A. Mendengar dan Bertutur

Amalan hijau perlu kita amalkan sebanyak yang boleh. Antara cara untuk mempraktikkan amalan hijau termasuklah menanam pokok di persekitaran rumah. Selain itu, kita hendaklah mencuci kereta menggunakan air tadahan. Seterusnya, kita digalakkan menjemur pakaian di bawah cahaya matahari. Akhir sekali, kita disarankan menggunakan beg kitar semula semasa membeli-belah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik.

### B. Menulis

Yang saya hormati Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Encik Shahrul Naim bin Lokman, Yang Berusaha Encik Ahmad Bakhtiar bin Zuhdi, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Malim Nawar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Selamat sejahtera saya ucapkan. Lebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan pada pagi yang indah ini.

Hadirin sekalian,

Pihak PIBG sekolah kita telah mengadakan Kempen Alam Sekitar selama seminggu bermula pada 22 hingga 28 Jun 2019. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk menjaga kebersihan kawasan sekolah. Selain itu, menerusi kempen ini, murid-murid dididik agar sentiasa menjaga kesihatan. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang Kempen Alam Sekitar tersebut. Antaranya termasuklah aktiviti membersihkan longkang. Beberapa orang guru dan murid telah bekerjasama membersihkan longkang yang terdapat di sekitar kawasan sekolah kita. Aktiviti membersihkan longkang ini dapat mengelakkan longkang tersumbat. Longkang yang bersih memungkinkannya aliran air lancar.

Aktiviti seterusnya ialah membuang bekas-bekas yang dapat menakung air. Contohnya, tin aluminium, botol kosong, dan plastik pembungkus makanan. Langkah ini dapat menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sebagaimana yang kita sedia maklum, nyamuk Aedes mudah membiak dalam air yang bertakung. Jika dibiarkan, penyakit demam denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes mungkin menular di sekolah kita.

Hadirin yang saya kasihi,

Satu lagi aktiviti yang dijalankan bersempena dengan Kempen Alam Sekitar ialah menanam pokok-pokok hiasan. Pokok-pokok yang pelbagai jenis dan rupa itu disumbangkan oleh pihak PIBG sekolah ini. Aktiviti menanam pokok-pokok hiasan menjadikan udara bersih dan segar. Dengan kata lain, aktiviti ini dapat menceriakan suasana. Kesannya, murid-murid dapat belajar dengan selesanya. Kempen Alam Sekitar yang dianjurkan oleh PIBG itu mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan warga sekolah. Hasilnya, kawasan sekolah menjadi bersih dan cantik.

Saya mewakili rakan-rakan yang lain berasa sungguh gembira kerana dapat bersama-sama menjayakan kempen tersebut. Mudah-mudahan kempen seperti ini akan diadakan lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

### C. Seni Bahasa

1. Pada masa dahulu, haiwan-haiwan di rimba hidup dengan gembiranya dan dapat bergerak dengan bebasnya.
2. Rangkap keempat syair menggambarkan suasana di hutan telah berubah setelah diteroka oleh manusia yang bersikap tamak tanpa memikirkan kesan perbuatan mereka terhadap kehidupan penghuni rimba.
3. Pada pendapat saya, kesan pembangunan terhadap hidupan hutan ialah flora dan fauna semakin pupus akibat kehilangan habitat semula jadinya.

## PRAKTIS PRA-UPSR 9

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

1. C
2. A
3. B
4. A
5. B
6. C

#### Praktis 2

1. Kelab Alam Sekitar Sekolah Kebangsaan Tun Fatimah telah menganjurkan Kempen Kitar Semula.
2. Murid-murid menjaga pokok masing-masing di kawasan sekolah.

#### Praktis 3

1. Nawawi dan rakan-rakan sekelasnya menyertai Eksplorasi Fauna dan Flora.
2. Udara yang baik dan bersih dapat dinikmati di desa yang terpelihara alam sekitarnya.

### B. Pemahaman

(a) Perkara pertama yang dilakukan oleh 'aku' dan abangnya ketika tiba di FRIM ialah membeli tiket bagi aktiviti titian kanopi.

(b)	Penulis dan abangnya berjalan rapat-rapat di atas titian kanopi atas tujuan keselamatan.	X
	Titian kanopi telah ditutup pada 30 Jun 2017 dan bakal digantikan dengan titian kanopi baharu.	✓

(c) Pada pendapat saya, FRIM mampu menjadi destinasi tumpuan untuk pencinta alam sekitar kerana mereka berpeluang untuk mempelajari lebih lanjut tentang hutan. Selain itu, FRIM menawarkan pelbagai aktiviti luar dan bersantai di persekitaran yang tidak tercemar.

### C. Penulisan

Selamat pagi saya ucapkan kepada Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Jelutong, Guru-guru Penolong Kanan, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Saya selaku Pengerusi Kelab Pencinta Alam ingin menyampaikan ucapan bersempena dengan majlis perasmian sambutan Hari Bumi di sekolah kita.

Hadirin yang saya kasihi,

Alam sekitar yang bersih amat penting kepada kita. Sebagai penghuni alam, kita perlu mengekalkan kesejahteraan alam yang kita nikmati. Sehubungan dengan itu, program ini bertujuan untuk menyemai semangat cinta akan alam sekitar. Kita perlu sedar bahawa penjagaan alam sekitar sangat mustahak dalam kehidupan kita. Banyak masalah akan timbul kelak sekiranya kebersihan alam sekitar tidak kita jaga.

Hadirin sekalian,

Pelbagai aktiviti telah kami rancang bagi memastikan program ini berjaya mencapai matlamatnya. Antaranya

termasuklah ceramah, tayangan video, kuiz, aktiviti menghijaukan kawasan sekolah, dan pertandingan melukis.

Akhir kata, saya ingin berterima kasih kepada semua ahli jawatankuasa kelab yang telah bertungkus lumus bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

## TEMA 10: JELAJAH ALAM SAINS DAN CIPTAAN

### UNIT 28: Alam Sains

#### A. Mendengar dan Bertutur

Saya dan Amalin diminta menghasilkan periskop oleh Cikgu Nabihah. Mula-mula, saya menyediakan dua keping cermin yang berukuran segi empat sama. Amalin pula menyediakan sebuah kotak yang berbentuk kuboid. Selepas itu, kami menebuk lubang pada hujung kotak dan memasukkan cermin. Kemudian, kami menebuk lubang kedua yang berlawanan arah. Saya melekatkan kedua-dua keping cermin dalam lubang tersebut dengan menggunakan gam supaya tidak tertanggal. Akhirnya, periskop itu berjaya kami siapkan dan sudah boleh digunakan.

#### B. Membaca

1. sesuatu kejadian yang dapat dikesan oleh pancaindera
2. berkaitan dengan mata atau penglihatan
3. ilmu kaji cuaca
4. paparan cahaya yang berwarna-warni
5. bersambung-sambung, berterusan
6. kelok atau sesuatu yang berkelok bentuknya
7. terbelok dari arah asal
8. bentuk yang bulat seperti bola

#### C. Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1. diatas	1. di atas
2. Nutriennya	2. nutriennya
3. Setengah	3. Seseengah
4. sangat berguna sekali	4. sangat berguna/ berguna sekali
5. Selain itu;	5. Selain itu,
6. Goreng cendawan	6. Cendawan goreng

Kesalahan	Pembetulan
7. menyusutkan	7. mengurangkan
8. berapa	8. beberapa
9. di dalam	9. dalam
10. pasaraya	10. pasar raya

## UNIT 29: Teknologi dalam Kehidupan

### A. Membaca

#### Ulasan

Televisyen pintar android dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Antaranya termasuklah aplikasi hiburan, berita, pendidikan, dan sukan. Selain itu, televisyen ini dilengkapi dengan teknologi WiFi dan HDMI serta kamera web bagi kegunaan penggemarnya. Televisyen pintar android ini turut mempunyai kepastan capaian Internet dan menggunakan teknologi terkini dalam pasaran.

Di samping itu, televisyen pintar android dijual di kedai-kedai elektrik dan pasar raya di seluruh negara. Harga yang ditawarkan amat berpatutan dan terdapat dalam pelbagai jenama mengikut selera pembelinya. Bagi kaum ibu, drama-drama dari dalam dan luar negara turut boleh ditonton menerusi televisyen pintar android.


Kesimpulannya, banyak manfaat yang dapat kita peroleh melalui kecanggihan televisyen pintar android serta mampu menyatukan anggota keluarga.

### B. Menulis

1. Jumlah kaedah urutan yang terdapat pada kerusi urut istimewa ialah lapan.
2. (i) Dilengkapi dengan alat kawalan jauh  
(ii) Mempunyai teknik urutan terkini pada bahagian belakang badan
3. Kerusi urut istimewa dikatakan dapat meningkatkan tahap kesihatan pengguna kerana teknologi robotik yang digunakan adalah paling terkini dan mempunyai pelbagai kaedah urutan.
4. Pada pendapat saya, penggunaan kerusi urut istimewa ini berbaloi berbanding dengan kaedah urutan tradisional kerana dapat menjimatkan masa. Selain itu, kerusi urut istimewa ini memudahkan pengguna untuk menggunakannya pada bila-bila masa.

## UNIT 30: Kreativiti dalam Ciptaan

### A. Mendengar dan Bertutur





## B. Membaca

### Ayat Tunggal:

1. Mesin lipat baju bakal berada di pasaran tempatan.
2. Banyak kaum ibu dibelenggu masalah tersebut.
3. Mesin tersebut turut menjimatkan masa.
4. Mesin ini boleh dibeli di kedai-kedai elektrik.

### Ayat Majmuk:

1. Mesin lipat baju tersebut dapat menyelesaikan pelbagai masalah bagi kaum ibu yang sibuk bekerja dan mengurus rumah tangga.
2. Pakaian yang ingin dilipat perlu dimasukkan ke dalam mesin pada bahagian atas dan akan dikeluarkan pada bahagian bawah mesin dalam keadaan sudah dilipat.
3. Selain pakaian, tuala dan cadar juga boleh dilipat.
4. Pengguna yang berminat boleh membuat pesanan secara dalam talian atau menghubungi syarikat pembekal yang bertauliah.

## C. Menulis

1. Mula-mula, kita perlu menyediakan bahan-bahan untuk membuat kerusi hiasan kecil, iaitu tin aluminium, gunting, dan buluh.
2. Kemudian, gunting bahagian atas tin aluminium tersebut.
3. Seterusnya, belah bahagian bawah tin aluminium tadi sehingga menjadi seperti bilah-bilah halus.
4. Selepas itu, gulung bahagian yang sudah dibelah tadi dengan menggunakan buluh.
5. Akhir sekali, bentuk bahagian pendar dan kaki kerusi.

### Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

#### Cadangan Jawapan:

- Ciptaan lain yang bersifat mesra alam, murah, dan mudah didapati:
  - bekas pensel
  - tabung
  - penanda buku
- Langkah untuk mencungkil bakat dan daya kreativiti murid:
  - mengadakan pelbagai pertandingan yang menarik
  - menawarkan ganjaran kepada murid yang mempunyai daya kreativiti dan semangat berpasukan
  - menggalakkan murid-murid menggunakan bahan kitar semula

## PRAKTIS PRA-UPSR 10

### A. Sistem Bahasa

#### Praktis 1

1. A      2. C      3. D      4. B      5. D

#### Praktis 2

Kedudukan Malaysia terletak di garisan Khatulistiwa. Oleh itu, kita dapat melihat setiap buruj di kedua-dua hemisfera utara dan selatan. Buruj kelihatan seperti bintang-bintang yang membentuk pelbagai corak pada waktu malam. Para pengkaji bintang berpendapat bahawa terdapat empat jenis buruj yang mudah dilihat, iaitu buruj belantik, buruj pari, buruj skorpio, dan buruj biduk. Secara semula jadi, corak-corak bintang yang terbentuk tidak wujud untuk dilihat di ruang angkasa. Corak-corak bintang ini hanya kelihatan jika kita melihatnya dari bumi.

### B. Pemahaman

- (a) Perkhidmatan cuci kereta beroperasi selama dua belas jam sehari.
- (b) Syarikat tersebut menawarkan pakej harga murah bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

(c)	Membersihkan segala habuk dan pasir	✓
	Mengecat kereta yang pudar catnya semula	✗

- (d) Pada pendapat saya, syarikat tersebut boleh mengiklankan perniagaan mereka melalui media sosial. Selain itu, mereka perlu membuka keahlian bagi memberikan potongan harga istimewa kepada pelanggan.

### C. Penulisan

Gambar menunjukkan ramalan cuaca di beberapa buah tempat di negeri Kelantan dan di negeri Terengganu serta peringatan sekiranya banjir melanda di kawasan tersebut.

Hujan lebat dijangka turun secara berterusan dan disertai ribut petir pada hari Isnin, 20 Januari 2019. Selain itu, hujan lebat dijangka turun berterusan pada 21 Januari 2019. Ribut petir pula dijangka melanda semula pada hari Rabu, 22 Januari 2019 disertai hujan lebat. Oleh hal yang demikian, orang ramai diingatkan agar segera berpindah ke pusat pemulihan banjir. Mereka turut diingatkan supaya menyelamatkan dokumen dan barangan penting sahaja. Orang ramai perlu menutum semua suis sebelum meninggalkan rumah dan mengawasi anak-anak jika banjir melanda.

Kesimpulannya, orang ramai hendaklah akur terhadap peringatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agar keselamatan mereka terjamin.

## PENILAIAN AKHIR TAHUN PEMAHAMAN [011]

### Bahagian A

1. A      2. B      3. C      4. D      5. D  
6. B      7. A      8. A      9. D      10. D  
11. A      12. A      13. A      14. C      15. B  
16. D      17. A      18. C      19. B      20. A

### Bahagian B

#### Soalan 21

- (a) (i) dari  
(ii) untuk  
(iii) kerana
- (b) (i) berkobar-kobar (✓)  
(ii) berpusu-pusu (✓)
- (c) Dayang: Baiklah, Mak Inang. Hamba akan sediakan kelengkapan untuk Tuan Puteri Ratna bersiram.
- (d) (i) Bagaimana acuan begitulah kuihnya  
(ii) Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

#### Soalan 22

(i)	Kami akan bertolak ke Petrosains sebelum pukul 9:00 pagi esok.	✓
(ii)	Ayah bekerja keras demi untuk masa hadapan kami.	✗
(iii)	Aimi amat menggemari goreng keledek yang dijual di warung Wak Sharif.	✗
(iv)	Subjek Matematik memerlukan latihan yang berterusan bagi meningkatkan pencapaian murid.	✓
(v)	Saya tidak pengurus di sini, tetapi memangku pembantu jawatan tersebut.	✗

#### Soalan 23

- (i) kedua                                  (iii) berbukul-bukul  
(ii) berani                                  (iv) silam

#### Soalan 24

- (a) (i) menampal rangka  
(ii) membuat corak dan menampal corak
- (b) Buluh perlu diraut sebelum dibuat rangka untuk membuang bahagian-bahagian yang tidak diperlukan seperti ruas dan kulit.
- (c) Pada pendapat saya, antara langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan permainan tradisional termasuklah menganjurkan pertandingan permainan tradisional pada pelbagai peringkat. Selain itu, kelab permainan tradisional juga boleh diwujudkan sebagai kegiatan kokurikulum di sekolah untuk diperkenalkan dalam kalangan murid.

#### Soalan 25

- (a) Jenis makanan yang dapat mencegah sembelit ialah makanan yang tinggi seratnya.
- (b) Sebanyak lapan gelas air kosong yang perlu kita minum pada setiap hari.
- (c) Kita boleh menjadikan piramid makanan sebagai panduan dalam penyediaan makanan yang sihat dan seimbang.

### PENULISAN [012]

#### Bahagian A

1. Puan Asmidar menghulurkan juadah kepada jiran yang bersebelahan dengan rumahnya.
2. Encik Sani sedang melayan kanak-kanak yang ingin membeli aiskrim dengan ramahnya.
3. Raisya menyapu sampah di halaman rumah supaya kawasan persekitaran bersih dan cantik.
4. Beberapa orang kanak-kanak sedang bermain permainan tradisional dengan riangnya.
5. Encik Mustaza membasuh kereta di halaman rumahnya sambil dibantu oleh anak lelakinya.

#### Bahagian B

Gambar menunjukkan peraturan keselamatan di taman permainan kanak-kanak.

Mereka perlulah mematuhi beberapa larangan yang telah ditetapkan. Di samping itu, kehadiran ibu bapa atau penjaga amat penting demi keselamatan kanak-kanak. Pengguna juga haruslah memastikan bahawa alatan permainan selamat untuk digunakan. Peralatan yang disediakan di taman itu juga hanya terhad kepada kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah. Selain itu, risiko semasa menggunakan peralatan tersebut adalah di bawah tanggungjawab pengguna. Dengan ini, kejadian buruk dapat dielakkan.

Kesimpulannya, keselamatan kanak-kanak ketika bermain di taman permainan hendaklah ditiitikberatkan dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

#### Bahagian C

##### Soalan 1

Qasha: Apakah yang asyik kamu perhatikan itu? Ada apa-apa yang menarik, Ai Ling?

Ai Ling: Oh, saya sedang memerhatikan poster tentang cara-cara menangani stres!

Qasha: Bagus informasi yang tertera dalam poster tersebut. Kita perlu bijak menangani stres agar kesihatan kita sentiasa terjamin.

Ai Ling: Betul itu, Qasha. Caranya mudah sahaja, iaitu berdiri dengan menjarakkan kaki dan mendepangkan tangan di sisi. Aktiviti ini boleh dipraktikkan di mana-mana sahaja.

Qasha: Selepas itu, pejamkan mata dan tundukkan kepala sedikit ke hadapan. Tarik nafas perlahan-lahan

melalui hidung dan tahan nafas dalam kiraan sepuluh. Kemudian, hembuskan nafas perlahan-lahan.

Ai Ling: Keempat-empat langkah tersebut haruslah kita ulang sebanyak lima kali sehingga kita berasa lega dan tenang.

Qasha: Ada baiknya kita menghebahkan maklumat ini kepada rakan-rakan yang lain. Kemungkinan ada rakan yang tidak sedar akan informasi yang berguna ini.

Ai Ling: Ya, Qasha. Dengan itu, mereka juga dapat mengamalkan cara yang betul untuk mewujudkan emosi yang sihat. Pada pendapat kamu, apakah faktor-faktor berlakunya stres?

Qasha: Stres boleh berlaku apabila kita berasa penat dan terbeban oleh sesuatu tugasan atau kerja.

Ai Ling: Waktu rehat yang tidak mencukupi atau waktu tidur yang kurang juga boleh menyebabkan seseorang itu mengalami stres.

Qasha: Sebaik-baiknya kita perlu tidur enam hingga lapan jam sehari. Dengan itu, badan kita akan segar semula pada keesokan harinya.

Ai Ling: Oh, ya! Jangan lupa amalkan pemakanan yang seimbang. Pengambilan makanan yang tidak sihat akan menjejaskan kesihatan seseorang.

Qasha: Banyak maklumat yang kita peroleh hari ini. Semoga maklumat ini dapat memberikan manfaat kepada kita dan rakan-rakan yang lain.

Ai Ling: Saya berharap begitu juga.

##### Soalan 2

Pada bulan April yang lalu, saya telah terpilih untuk mewakili daerah dalam Pertandingan Bola Sepak Peringkat Negeri Melaka Bawah 12 Tahun. Saya sungguh gembira.

Saya begitu bersemangat untuk menyertai pertandingan tersebut. Memang menjadi azam setiap pemain untuk merangkul kejuaraan, lebih-lebih lagi apabila mewakili daerah. Saya berlatih dengan bersungguh-sungguh di bawah kendalian jurulatih berpengalaman, iaitu Encik Azrai. Ibu dan ayah banyak memberi galakan kepada saya juga.

Hari yang ditunggu-tunggu akhirnya tiba. Sejurus wisel permulaan permainan ditiup oleh pengadil, pasukan saya mengawal pergerakan bola dengan kemasnya dan mengasak bola itu ke pintu gol pihak lawan. Lawan kami tidak kurang hebatnya kerana mereka mempunyai pemain yang berpengalaman.

Pasukan saya ketinggalan satu gol pada separuh masa pertama. Ketika berada di bilik persalinan, jurulatih tidak putus-putus membakar semangat kami. Pada separuh masa kedua, kami bermain dengan lebih tenang. Sorakan penonton yang kebanyakannya terdiri daripada ibu bapa dan rakan-rakan membuatkan kami lebih yakin. Akhirnya, pasukan saya berjaya menjaringkan satu gol. Perlawanan menjadi semakin sengit kerana masing-masing mahu menjaringkan gol kemenangan.

Berkat usaha dan kerja keras kami sepasukan, gol yang kedua berjaya dijaringkan oleh ayam tambatan pasukan kami, Naquuddin kira-kira dua minit sebelum perlawanan tamat. Semua pemain dan penyokong bersorak gembira. Tidak lama selepas itu, pengadil meniup wisel yang menandakan tamatnya perlawanan pada petang itu.

Kami melangkah keluar dari padang dengan perasaan bangga dan bersyukur. Rakan-rakan dan guru-guru memberikan ucapan tahniah kepada kami. Kami berjanji untuk bermain dengan lebih cemerlang dalam perlawanan yang seterusnya.